

DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA PERMOHONAN

- Surat sokongan Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan Lain / Posting Order / Minit
- Surat pengesahan pegawai atasan bagi pegawai-pegawai menghadiri mesyuarat
- Borang permohonan passport (IM.42-Pin. 1/97)
- 2 keping gambar berukuran pasport latarbelakang berwarna putih.
- 2 keping salinan sijil kelahiran setiap pemohon. (Disahkan oleh pejabat pemohon)
- 2 keping salinan kad pengenalan pemohon
- 2 keping salinan kad pengenalan bapa / ibu / penjaga, bagi anak belum berumur 18 tahun.
- Borang keizinan mendapat pasport bagi kanak-kanak berusia dibawah 18 bawah (IM.42A-Pin 1/93) dari luar Negeri (tandatangan bapa telah disahkan oleh Perwakilan Malaysia di luar Negeri)
- Bagi kanak-kanak dalam Negeri, tidak perlu borang A1/B1, memadai pengesahan oleh bapa dalam borang permohonan pasport **(IM 42-Pin 1/97) yang telah ditandatangani dan cop ibu jari kanan bapa (bersebelahan tandatangan bapa).**
- Borang perakuan status anak-anak yang melebihi umur 16 tahun. Pengesahan oleh bapa bahawa anak-anak mereka masih belajar, tidak bekerja dan belum berkahwin.
- Pasport Antarabangsa biasa yang sedia ada hendaklah disertakan untuk simpanan pihak imigresen. (Pasport Diplomatik / Rasmi /Gratis) disertakan untuk pembatalan.

PERHATIAN DAN RUJUKAN / SIMPANAN PEMOHON :

1. Semua borang permohonan passport (IM.42-Pin 1/97) adalah **tidak dibenarkan 'staple' atau dilipat semasa menyerahkan permohonan pasport tersebut.**
2. **Pasport-pasport Diplomatik / Rasmi / Gratis hendaklah diserahkan kembali ke Wisma Putra untuk pembatalan setelah tamat berkhidmat di luar Negara selewatnya (3) tiga bulan sekembali ke tanah air.**
3. Pegawai-pegawai yang memegang Pasport Diplomatik / Rasmi / Gratis dan telah bertukar Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan lain atau telah tamat berkhidmat dengan kerajaan adalah diminta menyerahkan kembali pasport tersebut ke Wisma Putra untuk pembatalan.
4. **Setiap kehilangan pasport hendaklah terlebih dahulu membuat Laporan Polis dan mengisikan borang soalselidik kehilangan pasport (borang boleh diperolehi di Pejabat Imigresen Malaysia) sebelum memohon pasport Diplomatik / Rasmi / Gratis baru.**